



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

**MAKLUMBALAS MEDIA
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

“TAHANAN DI DEPOT IMIGRESEN TIDAK MILIKI MYKAD”

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merujuk kepada artikel di beberapa akhbar tempatan pada 7 Ogos 2023 (Isnin) yang melaporkan terdapat seorang tahanan di depot Imigresen yang ditahan sejak 2019 kerana tidak memiliki MyKad.

Berhubung laporan akhbar tersebut, semakan JPN mendapati R.Tayalan @ Mohd Farid hanya memiliki sijil kelahiran dengan maklumat warganegara belum ditentukan, kerana ketika pendaftaran kelahiran dibuat tiada maklumat berkaitan ibu beliau.

Walau bagaimanapun, bapa kandung subjek pernah hadir ke JPN Putrajaya untuk membuat permohonan pindaan sijil lahir subjek dengan memasukkan maklumat ibu iaitu Puan Mariamman a/p Arumugam pada Jun 2023 yang lalu. JPN dalam proses penelitian permohonan tersebut, namun bagi proses selanjutnya iaitu bagi tujuan pengesahan dan penilaian, Puan Mariamman a/p Arumugam masih gagal hadir ke JPN. JPN memerlukan kerjasama kehadiran beliau untuk pertimbangan kemasukan nombor kad pengenalan beliau di dalam sijil kelahiran subjek.

JPN komited untuk menyelesaikan perkara ini dengan segera. JPN sentiasa mengambil kira elemen kebijakan dan kemanusiaan pihak yang berurusan, namun dalam masa yang sama adalah menjadi tanggungjawab dan keutamaan Jabatan untuk melaksanakan tugas mematuhi Perlembagaan, Perundangan dan Peraturan-peraturan yang berkuat kuasa bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

8 OGOS 2023

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: pro@jpn.gov.my